

PENERAPAN NILAI PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PERGAULAN PELAJAR DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN DI SELANGOR

Muhammad Ammar Firhan Nasharudin^{1,a}, Jamalluddin Hashim^{2,b}, Sumayyah Abdul Aziz^{3,c}

^{1,2,3}Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

^aammarfirhan@gmail.com, ^bjamalluddin@unisza.edu.my, ^csumayyahaziz@unisza.edu.my

Kata kunci: Penerapan, Pendidikan Islam, Pergaulan, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Abstrak. Menerapkan hukum batas pergaulan dalam Islam adalah signifikan kerana hukum tersebut bertujuan untuk memelihara kesejahteraan masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan nilai pendidikan Islam dalam kalangan para pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Selangor. Ia juga bertujuan untuk menilai tahap penerapan nilai pendidikan Islam terhadap pergaulan dalam kalangan pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Selangor. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti alasan-alasan responden tidak mematuhi adab-adab pergaulan yang dianjurkan oleh Islam. Kajian ini ditulis menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 327 responden dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang dipilih secara rawak mudah di lima buah sekolah agama menengah terpilih di negeri Selangor. Rekabentuk kajian adalah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian utama untuk mengumpul maklumat. Soal selidik tersebut terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A: maklumat responden dan Bahagian B: tahap pengetahuan, tahap penerapan tentang nilai pendidikan Islam dan alasan-alasan tidak mematuhi adab-adab pergaulan dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar berkenaan nilai pendidikan Islam terhadap pergaulan menunjukkan purata skor min 4.48 di tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penerapan nilai pendidikan Islam yang ditonjolkan oleh para pelajar terhadap aspek adab-adab pergaulan berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min 4.17. Hasil dapatan dianalisis dengan pendekatan deskriptif. Implikasi kajian adalah nilai-nilai pendidikan Islam masih relevan, namun begitu nilai tahap pengetahuan pelajar dilihat tidak seimbang dengan tahap penerapan nilai pendidikan Islam yang diajar oleh guru di sekolah. Oleh yang demikian suatu tindakan yang lebih progresif perlu dilakukan oleh para ulama' dan umara' untuk meningkatkan tahap penerapan setelah seseorang itu mempelajari ilmu-ilmu Islam.

Pengenalan

Di Malaysia, pembangunan insaniah yang seimbang rohani dan jasmani sangat ditekankan oleh pihak kerajaan, subjek Pendidikan Islam telah dijadikan sebagai salah satu kurikulum dalam sistem pendidikan kebangsaan termasuklah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid berkenaan konsep pergaulan sebenar antara dua golongan jantina.

Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta berjaya dunia dan akhirat (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Oleh itu, kajian ini menumpukan subjek Pendidikan Islam peringkat menengah rendah dalam mempraktikkan nilainya terhadap pergaulan pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Negeri Selangor.

Pernyataan Masalah

Keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar begitu membimbangkan dan boleh merencatkan kecemerlangan sahsiah diri mereka untuk kehidupan yang sejahtera. Sebagai renungan bagi menjawab kenyataan di atas, sebanyak 1.13 peratus remaja terlibat dengan kes buang bayi, 40 peratus menonton bahan lucah, 16 peratus berjudi, 70 peratus merokok, 14 peratus terlibat dalam penyalahgunaan dadah, 25 peratus mengambil minuman keras dan 18 peratus melakukan seks bebas (Hashim bin Haji Bedu et al, 2008)

Isu pembuangan bayi merupakan isu yang semakin membesar dan bertambah gempar apabila banyak laporan-laporan akhbar dan media baru. Akhbar Utusan Malaysia melaporkan bahawa seorang bayi perempuan dalam keadaan tidak bernyawa telah dijumpai di dalam tong sampah setelah dibuang oleh sepasang remaja di Ayer Keroh, Melaka (Utusan Malaysia, 12 Ogos 2010).

Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah menentukan objektif kajian ini bagi memastikan halatuju kajian penulis tercapai. Kajian ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar di SABK di Selangor terhadap pergaulan.
2. Mengetahui tahap penerapan pelajar di SABK di Selangor mengamalkan pergaulan yang dianjurkan dalam Islam.
3. Mengetahui alasan-alasan pelajar di SABK di Selangor tidak mematuhi adab-adab pergaulan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini berpotensi membantu kepada beberapa pihak tertentu terutama sekali yang berhubung dengan bidang hal ehwal Islam, sosial dan institusi pendidikan di Malaysia. Agensi-agensi Kerajaan atau Berkanun seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institusi Sosial Malaysia (ISM), Bahagian Pendidikan Islam Negeri-negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri-Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Institut-Institut Pendidikan Guru, dan sekolah-sekolah. Hasil dapatan kajian ini boleh memudahkan pihak yang berkaitan merancang program-program yang sewajarnya dilakukan untuk membina individu yang sedar dan melaksakan suruhan Allah serta menjauhi larangannya.

Dari aspek fiqh kajian pula merupakan satu kajian yang amat penting kerana ia menyentuh etika pergaulan lelaki dan wanita. Hal ini adalah suatu sudut perbincangan yang amat penting dalam mengetahui tahap pengetahuan dan tahap penerapan Pendidikan Islam. Diharapkan agar cadangan-cadangan yang diajukan kelak memberikan idea-idea bernas dan boleh memperkenalkan pendekatan-pendekatan baru atau tindakan susulan dapat dilaksanakan dalam usaha menangani masalah pergaulan bebas dalam kalangan pelajar.

Rekabentuk kajian

Kajian tinjauan (survey) merupakan pilihan untuk kajian ini dengan menggunakan boring soal selidik. Dimana kajian ini juga adalah salah satu rekabentuk bukan eksperimental, kajian kuantitatif ini menggunakan berbentuk deskriptif untuk melihat dan menilai penerapan subjek Pendidikan Islam terhadap pergaulan pelajar di lima buah sekolah agama menengah di negeri Selangor.

Rekabentuk kajian ini digunakan untuk mendapatkan maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya. Kaedah tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bertujuan mengumpul maklumat tentang pemboleh-bolehubah dan membuat perihalan terhadap fenomena yang wujud atau berlaku.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Dari sudut lain, Populasi ialah kumpulan yang lebih besar yang akan memperoleh manfaat daripada dapatan. Dalam kajian ini, penulis memilih pelajar tingkatan 4 di SABK di Selangor sebagai populasi. Skop populasi adalah seperti berikut:

- i. Populasi sasaran: semua pelajar SABK di Selangor
- ii. Populasi capaian: semua pelajar tingkatan empat SABK di Selangor
- iii. Sampel: 331 orang dari keseluruhan pelajar tingkatan empat SABK di Selangor

Namun, setelah soal selidik dikembalikan, hanya 327 borang soal selidik sahaja yang memenuhi piawaian pengkaji. Oleh itu, sebanyak 327 borang soal selidik dianalisis bagi mendapatkan hasil dapatan, dibuat kesimpulan dan memberi idea yang mungkin dapat membantu penghasilan kajian ini.

Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya untuk populasi yang besar. Kaedah ini dijalankan bagi menilai sejauhmana pengaplikasian kurikulum subjek Pendidikan Islam terhadap pergaulan pelajar sekolah menengah. Contoh data ialah maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama; skor bagi ujian yang dibina oleh penyelidik; respons kepada soalan penyelidik, sama ada melalui temu bual atau jawapan bertulis dalam borang soal selidik (Noraini Idris,2010). Untuk kajian ini, satu instrumen kajian telah dimodifikasi mengikut konteks kajian untuk mendapatkan data. Instrumen tersebut merupakan satu set soalan temu bual telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A (Maklumat Responden) dan Bahagian B (Penilaian tahap pengetahuan, tahap penerapan dan dorongan pelanggaran).

Soalan soal selidik adalah berkisar tentang adab pergaulan dan menjaga fitrah, pemilihan dalam berkawan, kewajiban beradab dengan ibu bapa, adab dengan ahli keluarga, dan kepentingan menjaga maruah diri. Penulis memodifikasikan satu set soalan soal selidik yang dirujuk dalam kajian “Keberkesanan Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) terhadap Pergaulan Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Di Kuala Terengganu” untuk diberi kepada responden (pelajar) sebagai sumber maklumat dan akan dianalisa dan dihuraikan.

Analisis Data

Analisis data dilaksanakan menerusi borang soal selidik yang telah dilakukan. Soalan-soalan dalam borang soal selidik yang telah diisi akan disusun dan maklum balas yang telah diperolehi daripada responden telah dianalisis secara deskriptif. Sehubungan dengan itu, analisis kajian pada bab 4 akan cuba menjawab tiga persoalan utama dalam kajian yang seterusnya menjawab objektif kajian. Data soal selidik menggunakan interpretasi nilai min yang dirumuskan oleh Nunally sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 digunakan bagi memberikan gambaran yang lebih mudah dalam menjawab persoalan-persoalan kajian deskriptif di samping analisis berdasarkan kekerapan dan peratus.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Nunally

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Merujuk Jadual 2, dapatan bagi objektif kajian yang pertama, secara keseluruhannya bagi tahap pengetahuan nilai pendidikan Islam dalam kalangan pelajar terhadap pergaulan, skor min berada di tahap tinggi dengan skor purata 4.48. Nilai skor min tertinggi dicatatkan bagi item a5, Kewajiban beradab dengan ibu bapa dan a7, kepentingan menjaga maruah diri dimana skor min berada di tahap yang tinggi iaitu 4.66 dan 4.60. Sementara nilai skor min terendah adalah pada item a3, ciri-ciri kawan yang baik iaitu 4.21 pada tahap tinggi.

Jadual 2: Min Dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan Nilai Pendidikan Islam Pelajar Terhadap Pergaulan

Bil	Perkara	Min	Tahap Skor Min	Sisih Piawaian
1.	Adab pergaulan lelaki dan perempuan (a1)	4.41	T	0.901
2.	Larangan mengubah fitrah kejadian (a2)	4.57	T	0.803
3.	Ciri-ciri kawan yang baik (a3)	4.21	T	0.785
4.	Kelebihan berkawan dengan orang baik (a4)	4.51	T	0.787
5.	Kewajiban beradab kepada ibu bapa (a5)	4.66	T	0.833
6.	Etika pergaulan dengan ahli keluarga di rumah (a6)	4.37	T	0.833
7.	Kepentingan menjaga maruah diri(a7)	4.60	T	0.812
	Purata	4.48		0.822

Jadual 3 pula menjawab objektif yang kedua berkenaan dengan tahap penerapan. Perkara di bawah menunjukkan skor min bagi item b2, b4, b5, b6 dan b7 berada pada tahap tinggi dengan catatan min antara 4.06 hingga 4.52. Sementara bagi item b1 dan b3 berada pada tahap sederhana tinggi pada catatan antara 3.80 dan 3.90. Merujuk pada purata skor min yang tinggi dengan catatan 4.17 jelas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai penerapan yang sangat baik terhadap adab-adab pergaulan dalam kehidupan. Berdasarkan dapatan tersebut, respon murid terhadap item b1 ‘adab pergaulan lelaki dan perempuan’ mencatatkan skor min terendah dengan catatan 3.80 sementara item b2 ‘sejauhmanakah anda menerapkan larangan mengubah fitrah kejadian anda?’ mencatatkan skor min tertinggi dengan 4.52.

Jadual 3: Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penerapan Nilai Pendidikan Islam Pelajar Terhadap Pergaulan Dalam Kehidupan Sehari-hari

Bil	Perkara	Min	Tahap Skor Min	Sisih Piawaian
1.	Adab pergaulan lelaki dan perempuan (b1)	3.80	ST	0.787
2.	Larangan mengubah fitrah kejadian (b2)	4.52	T	0.845
3.	Ciri-ciri kawan yang baik (b3)	3.90	ST	0.794
4.	Kelebihan berkawan dengan orang baik (b4)	4.08	T	0.856
5.	Kewajipan beradab kepada ibu bapa (b5)	4.37	T	0.878
6.	Etika pergaulan dengan ahli keluarga di rumah (b6)	4.06	T	0.853
7.	Kepentingan menjaga maruah diri (b7)	4.43	T	0.844
	Purata Skor	4.17		0.837

Jadual 4 pula menunjukkan peratusan alasan yang dominan bagi setiap aspek pergaulan yang dikaji tanpa mengambil kira pernyataan 'soalan ini tiada kaitan dengan saya'. Kajian mendapati daripada tujuh bahagian yang dikaji, enam alasan yang dominan adalah alasan yang dicipta oleh responden sendiri manakala satu alasan lagi adalah berpunca daripada ibu bapa mereka. Alasan takut dilabel sebagai orang yang sombong merupakan alasan yang paling banyak dalam kalangan pelajar kerana dapatan kajian menunjukkan seramai 74 orang bersamaan 22.6% mengakui bahawa mereka tidak mematuhi batas pergaulan lelaki dan perempuan dan seterusnya seramai 55 orang atau 16.8% memilih berkawan dengan kawan yang tidak bermoral atas faktor untuk keseronokkan.

Ini diikuti oleh alasan-alasan dominan yang lain termasuklah alasan takut hilang kawan sekeliling sebanyak 14.7% atau 55 orang responden dan alasan sekadar gurauan dan suka-suka adalah sebanyak 12.8% atau 42 orang. Terikut-ikut dengan pengaruh masyarakat sekeliling pula menjadi alasan kepada responden yang tidak memelihara maruah diri sendiri dengan dapatan sebanyak 6.4% atau 21 orang pelajar. 4.6% atau seramai 15 orang daripada 327 responden tidak menghormati ibu bapa kerana ibu bapa tidak mengambil berat tentang diri responden. Manakala 3.1% atau 10 orang mengaku bahawa mereka cenderung tidak berkelakuan sepertimana fitrah kejadian mereka dalam kehidupan kerana tidak mahu bersikap hipokrit.

Jadual 4: Peratusan Alasan-alasan Yang Dominan Bagi Setiap Skop Adab-Adab Pergaulan Yang Dikaji

Bil	Perkara	Alasan Selain "Soalan ini tiada kaitan dengan saya"	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
1	Tidak mematuhi batas pergaulan lelaki dan perempuan	Takut dilabel sebagai orang yang sombong	74	22.6
2	Tidak berkelakuan sepertimana fitrah kejadian sebagai lelaki/perempuan	Tidak mahu bersikap hipokrit	10	3.1
3	Memilih berkawan dengan kawan yang tidak bermoral	Untuk keseronokkan	55	16.8
4	Melakukan perbuatan tidak bermoral dengan rakan	Takut hilang kawan sekeliling	48	14.7
5	Tidak menghormati ibu bapa	Ibu bapa tidak mengambil berat tentang diri responden	15	4.6
6	Tidak menghormati ahli keluarga sendiri	Sekadar gurauan dan suka-suka	42	12.8
7	Tidak memelihara maruah diri sendiri	Terikut-ikut dengan pengaruh masyarakat sekeliling	21	6.4

Kesimpulan

Di dalam kajian ini, responden terdiri daripada pelajar-pelajar daripada lima buah SABK terpilih di negeri Selangor Darul Ehsan. Bilangan responden adalah seramai 327 orang iaitu 153 (46.8%) lelaki dan 174 (53.2%) perempuan. Kesemua responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 yang berusia dalam lingkungan enam belas tahun.

Dari segi minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, kajian mendapati sebahagian besar daripada murid sangat berminat dengan subjek ini dimana seramai 313 orang (95.7%) daripada 327 dan hanya 14 orang atau 4.35% sahaja

tidak berminat dengan subjek pendidikan Islam ini.

Kajian ini juga mendapati, jenis sekolah responden dibahagikan kepada dua kawasan yang terdiri daripada sekolah bandar dan luar bandar. Hampir keseluruhan responden berada di sekolah jenis luar bandar dimana seramai 231 orang (70.6%) bersekolah dikawasan tersebut. Manakala sekolah jenis bandar pula adalah seramai 96 orang (29.4%) sahaja yang terlibat dalam kajian ini

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan nilai pendidikan Islam pelajar terhadap aspek pergaulan diinterpretasi sebagai tinggi. Data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa purata skor min 4.48 dan sisih piawaian 0.822 secara puratanya responden mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap pergaulan yang dianjurkan oleh Islam. Maka, majoriti daripada responden mempunyai tahap penguasaan kurikulum Pendidikan Islam tentang pergaulan dengan baik. Ini menunjukkan bahawa sukatan kurikulum yang diajar oleh para guru begitu sesuai dengan tahap pemikiran diperingkat mereka sebagai seorang pelajar dan diterima baik oleh mereka. Oleh itu, tahap pengetahuan yang dominan ini memberi petunjuk kepada pengkaji untuk merumuskan bahawa kurikulum berkaitan pergaulan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam amat berkesan kepada responden dalam memacu pergaulan yang Islamik.

Kekerapan mengaplikasikan perbuatan akan terhasil selaras dengan ilmu yang dipelajari menunjukkan satu penerapan yang bermakna dalam setiap individu. Apabila pengetahuan sesuatu ilmu itu dikuasai dengan baik, maka sewajarnya tindak-tanduk dan amalan sehari-hari dalam pergaulan mereka menjadi positif. Dapatan kajian mendapati bahawa skor purata min bagi tahap penerapan nilai pendidikan Islam terhadap pergaulan adalah 4.17 yang ditakrifkan sebagai tahap tinggi. Namun dilihat skor tersebut lebih rendah daripada tahap pengetahuan responden berbanding tahap penerapannya. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan tinggi tetapi responden tahap pengamalan responden tidak selari dan seimbang dengan pengetahuan yang dimiliki oleh setiap responden

Manakala, alasan-alasan yang menyebabkan responden melanggar pergaulan sehari-hari dianalisa, dapatan kajian menunjukkan bahawa salah laku responden banyak tertumpu kepada alasan-alasan yang berpunca daripada faktor dalaman iaitu kelemahan diri sendiri berbanding faktor luaran. Alasan-alasan daripada faktor dalaman menyumbang sebanyak 6/7 daripada faktor luaran yang mencatatkan 1/7 sahaja (Jadual 4).

Hal ini menggambarkan bahawa salah laku dalam pergaulan sehari-hari responden adalah berpunca daripada kesilapan mereka sendiri yang memilih melakukan sesuatu di luar batasan pergaulan atas dasar menjaga hubungan dengan manusia semata-mata bukannya ingin menjaga hubungan dengan Pencipta mereka iaitu Allah (S.W.T.). Kenyataan ini amat selari dalam penulisan Ayyuhal Walad oleh Imam al-Ghazali berkenaan punca sebenar seseorang itu tidak mematuhi hukum syarak adalah kerana mengikut hawa nafsu semata-mata.

Rujukan

- Ainuddin Kamaruddin. (2009). *Memahami Asas-asas Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam-Buku 1*. Pahang: Jabatan Dakwah dan Pengurusan, KIPSAS.
- Al-Ghazali, A. H. (t.th). *Ayyuhal Walad*. Mesir: Darul I'tisam.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan-Buku 2*. Selangor: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan-Buku 1*. Selangor: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Fatimah Ali. (2007). Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin (MYAIS)*, 25, 145-154.
- Hashim Haji Bedu et. al. (2008). Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga: Isu Dan Cabaran. *Seminar Kaunseling Keluarga 2008* (pp. 51-61). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2015). *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Menengah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nunally, J.C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill Company.

Suzalie Mohamad. (2003). *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Roslan Abd Rahman et.al (2015). Kepentingan Memberi Salam Dan Etika Berpakaian Menurut Islam. *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* (pp. 551-564). Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.